

## SISTEM PENDIDIKAN SEKULAR DALAM PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MASA KINI

**Shariful Bin Kamaruddin, Muhammad Wazir Bin Muslat, Mohd Adlin Bin Salleh**  
Pusat Pembangunan Pengajian Asasi (CDFS), Universiti Selangor  
[shariful@unisel.edu.my](mailto:shariful@unisel.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pendidikan sekular yang menjadi teras pendidikan masa kini. Kajian ini juga menunjukkan bagaimana sistem pendidikan Melayu Islam telah berjaya membina dan menghasilkan peradaban Melayu seperti Kerajaan Melayu Islam Melaka, Kerajaan Melayu Islam Aceh, Kerajaan Melayu Islam Samudera-Pasai, Kerajaan Melayu Islam Pattani dan lain-lain sebelum penjajah. Namun segala-galanya berubah apabila adanya penjajahan oleh penjajah barat bermula dengan penjajah Portugis yang telah berjaya menawan Kerajaan Melayu Islam Melaka pada tahun 1511 Masihi. Bermula dari sinilah seperti yang dikatakan oleh kebanyakan tokoh sarjana bahawa 'peradaban Melayu Islam adalah peradaban yang terbantut' oleh penjajahan. Melalui penjajahan juga bermulalah perubahan epistemologi intelektual masyarakat Melayu Islam ke arah pendidikan 'sekular'. Maka terhasilnya satu peradaban Melayu yang telah di adun dengan pandangan semesta setempat dengan pendidikan 'sekular' sehingga masa kini. Hasil kajian mendapati bahawa melalui sistem pendidikan Melayu Islam, pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu Islam semakin subur dan telah berada di kemuncaknya. Namun penjajahan pihak barat telah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Melayu dengan meminggirkan dan memisahkan pendidikan agama dengan pendidikan akademik. Bahasa Melayu juga dijadikan bahasa 'second class' yang menyebabkan hanya segelintir masyarakat Melayu yang berpendidikan tinggi iaitu dalam kalangan bangsawan dan masyarakat yang berharta serta berkemampuan sahaja. Mereka ini telah diberikan pendidikan dan mengamalkan kebudayaan barat serta dipilih menjadi pemimpin utama dalam masyarakat sehingga akhirnya muncullah sistem pendidikan sekular berasaskan barat sehingga masa kini.

***Kata kunci:*** Pendidikan, Islam, Sekular, Penjajahan, Bahasa Melayu.

### 1.0 PENGENALAN

Setiap manusia yang dilahirkan mempunyai kecenderungan kepada pembelajaran. Ini kerana setiap manusia akan belajar daripada sesuatu yang dirinya tidak tahu kepada sesuatu yang baru bagi dirinya. Inilah proses pembelajaran atau dipanggil pendidikan. Manusia akan belajar dari ia lahir sehinggalah ke liang lahat atau sehingga ia meninggal dunia. Konsep ini sering diungkapkan dengan ungkapan 'Pendidikan Sepanjang Hayat'.

Menurut Muhd. Nur Manuty, pendidikan amat penting untuk penyambungan, penerusan dan survival mana-mana umat. Pendidikan merupakan alat terpenting bagi sesebuah masyarakat bagi mencapai pelbagai matlamat. (Muhd. Nur Manuty, 1984 : 45) Bagi Ibn Khaldun Pengajaran ilmu adalah sangat-sangat diperlukan kerana adanya kesinambungan peradaban yang melimpah dan kesinambungan tradisi pengajaran ilmu pengetahuan itu sendiri (Ibn Khaldun, 1995 : 544). Sidi Gazalba pula menyatakan bahawa ilmu pengetahuan adalah asas tamadun dan penggerak kemajuan. (Sidi Gazalba, 1986 : 18)

## **2.0. PENDIDIKAN DI TANAH MELAYU SEBELUM PENJAJAH**

Pendidikan secara tradisional Melayu Islam terbahagi kepada dua iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pendidikan formal adalah satu sistem pendidikan yang didapatinya dengan cara mempelajari dari gurunya dan kitab-kitab dan pendidikan tidak formal ialah satu pemindahan budaya dan nilai-nilai masyarakatnya dan pengaruh luar dari masyarakat yang diperhatikan dan dijadikan panduan hidup demi memperbaiki lagi kelemahan diri. (Ramalah Adam, 1997 : 50)

### **2.1. Pendidikan Dalam Masyarakat Melayu Sebelum Kedatangan Islam**

Sebelum kedatangan Islam, pendidikan secara tidak formal untuk kanak-kanak dijalankan di dalam sesebuah keluarga dan kemudiannya dikendalikan pula oleh seseorang yang mempunyai kepandaian di dalam sebuah masyarakat. Menerusi pendidikan tersebut, kanak-kanak belajar tentang adat resam dan sistem kepercayaan masyarakat Melayu. Semasa kanak-kanak membesar, mereka mempelajari pula secara tidak langsung cara-cara untuk menyesuaikan diri di dalam masyarakat. Sementara itu, ada juga pendidikan yang dikendalikan oleh guru-guru yang pakar dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh masyarakat pada masa itu. (Ismail Hamid, 1997 : 199)

Umumnya pendidikan sebelum kedatangan Islam adalah berteraskan alam semula jadi dengan kehidupan seharian dan juga adat resam yang menjadi ikutan sesebuah masyarakat. Pendidikan juga disampaikan melalui lisan secara turun temurun dari generasi ke satu generasi.

### **2.2. Pendidikan Dalam Masyarakat Melayu Selepas Kedatangan Islam**

Pendidikan masyarakat Melayu, khususnya yang berbentuk bukan formal dipercayai telah berkembang bersama-sama dengan penyebaran agama Islam di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu serta Kepulauan Melayu pada abad keempat belas. Pedagang-pedagang Arab dan India yang beragama Islam yang datang ke kawasan Asia Tenggara telah menyebarkan agama Islam dan merupakan pelopor yang telah memulakan usaha-usaha pendidikan bukan formal dengan cara membina sekolah-sekolah pondok di Perlis, Kedah, Melaka, Terengganu, Kelantan dan Brunei. Perluasan empayar kesultanan Melayu Melaka, Riau dan Brunei pada kurun kelima belas telah turut mengembangkan agama Islam dan institusi pendidikan bukan formal, pengajian Islam di negeri-negeri jajahan takluk kesultanan tersebut. (Sufean Hussin, 1993 : 2)

Pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula dari zaman kesultanan Melaka di mana pada masa tersebut tenaga pengajar terdiri daripada guru-guru agama sama ada golongan pedagang, pengembara, pendakwah, utusan raja dan para tentera berketurunan sayid dan syekh. Sama ada mereka ini datang ke Tanah Melayu untuk singgah atau berdagang, kehadiran mereka ini telah membantu golongan istana dan penduduk tempatan dengan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam khususnya dalam hukum fiqh dan pengajaran al-Quran. ( Ghazali Darusalam, 2001 : 100 )

Ilmu pengetahuan masyarakat Melayu makin berkembang dan pelbagai ilmu baru diperkenalkan seperti ilmu Fekah, Tauhid, Kalam, Hadis dan Ulum al-Quran. Ilmu-ilmu Islam berkembang selari dengan perkembangan Islam di Alam Melayu. Dakwah Islamiah tersebar melalui proses pengilmuan sehingga mampu mempengaruhi akal dan jiwa masyarakat Melayu. Dakwah ini juga mendapat sokongan dan bantuan dari istana-istana kesultanan Melayu. (Suhanim Binti Abdullah, 2001 : 42 – 43). Umumnya Islam telah merubah corak hidup masyarakat Melayu dengan pendidikan Islam yang lebih teratur dan sistematik.

Institusi Pendidikan Masyarakat Melayu seperti rumah, istana, masjid, surau, pondok dan madrasah di Tanah Melayu. Pada zaman awal kedatangan Islam, nampaknya telah memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan ilmu pengetahuan, pendidikan dan dakwah Islamiyah. Kegiatan yang dilakukan di institusi-institusi tersebut tidaklah berbeza daripada pendidikan yang

dilakukan di institusi-institusi pendidikan zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat dan tabi'in. (Abdullah Ishak, 1995 : 131)

### 2.2.1. Istana Sebagai Tempat Pengajian

Pada peringkat permulaan, Islam diterima oleh golongan diraja dan bangsawan kemudian diikuti oleh rakyat. Pada masa ini ilmu fardhu ain diberi penekanan. (Khadijah Zon dan M. Khalid Taib, 1995 : 935) Berdasarkan golongan raja yang menerima Islam terlebih dahulu, maka golongan ini telah berusaha dengan menjadikan istana sebagai tempat pengembangan Islam serta pengajian fardhu ain kepada rakyat jelata.

Sultan-sultan Melaka amat berminat dengan ilmu pengetahuan agama sehingga menjadikan istana-istana sebagai tempat pengajian di samping berperanan mengeluarkan hasil-hasil sastera yang sebahagian besarnya masih wujud sehingga kini. Bagi golongan rakyat biasa pula, mereka mendirikan masjid dan surau untuk dijadikan pusat pengajian agama selain berfungsi sebagai rumah ibadat (Abdullah Ishak, 1995 : 130). Bahasa pengantar yang digunakan oleh guru-guru agama tersebut ialah bahasa Melayu kerana kebanyakan kitab dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. (Ee Ah Meng, 1999 : 6)

### 2.2.2. Belajar Di Rumah Imam Atau Guru

Pengajian al-Quran dan fardhu ain kepada kanak-kanak juga diadakan di rumah-rumah imam atau guru mengaji supaya memudahkan kanak-kanak yang berhampiran untuk berulang alik dari rumah mereka. Ada juga anak-anak yang tinggal di rumah Pak Lebai untuk tujuan yang sama. Biasanya, murid-murid dibekalkan oleh ibu bapa masing-masing dengan sehelai tikar, bantal, sebuah periuk dan seguni beras. Cara pembelajaran mereka dijelaskan oleh catatan berikut :

*'Tiap-tiap hari tiga waktu pelajaran diberikan. Tiap-tiap waktu memakan masa satu jam, satu waktu sesudah sembahyang Subuh, satu waktu sesudah sembahyang Zohor dan satu waktu lagi sesudah sembahyang Maghrib. Pada masa-masa lain, murid-murid menolong gurunya membuat kerja-kerja rumah serta bekerja di sawah dan berkebun.'* (Wilkinson R. J., 1957 : 47)

### 2.2.3. Masjid Atau Surau

Guru-guru agama ini akan menjadi imam di surau-surau atau masjid-masjid dan mereka juga akan mengajar perkara-perkara lain seperti kira mengira, menulis jawi, tajwid, fardhu ain, rukun Islam dan rukun iman. (Ee Ah Meng, 1999 : 4) Pembinaan masjid dan surau oleh penduduk tempatan bagi melaksanakan kedua-dua fungsi itu adalah berpunca daripada galakan ulama-ulama dan mubaligh Islam yang terdiri daripada pedagang-pedagang Islam yang datang ke rantau ini untuk menyebarkan agama, ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. (Abdullah Ishak, 1995 : 130).

Amnya surau dan masjid menjadi tempat utama selepas istana bagi pengajian Islam kerana tempat ini adalah mudah dan sentiasa dikunjungi oleh orang Islam ketika sembahyang berjemaah. Pengajian Islam diajar selepas sembahyang fardhu dan ini memudahkan para pelajar untuk mengetahui jadual pengajian yang dijalankan secara kebiasaan.

### 2.2.4. Institusi Pengajian Pondok

Pengajian pondok merupakan salah satu bentuk pilihan dengan meniru bentuk yang digunakan di Masjidil Haram, Mekah. Seorang ulama yang alim yang belasan tahun mempelajari ilmu pengetahuan agama Islam di Mekah, setelah pulang ke tanah airnya, pada mulanya memilih sebidang tanah sebagai tempat pemukiman dengan membuat tempat tinggal yang seadanya. Lalu ramailah para

pelajar yang datang dari jauh dan dekat untuk menuntut ilmu pengetahuan dan bimbingan agama daripada orang alim ini. (Abdul Latif Hamidong, 1993 : 744). Pondok diwujudkan apabila terlalu ramainya bilangan penuntut yang datang dari jauh dan dekat untuk mengikuti pengajian di masjid atau surau. Pondok-pondok ini didirikan di sekitar masjid berhampiran dengan rumah tok guru. Pengajian sistem pondok telah memberi kemudahan kepada penuntut-penuntut yang datang dari jauh kerana mereka dapat tinggal di pondok. (Abdul Latif Hamidong, 1993: 745)

Kesimpulannya bahawa lahirnya institusi pondok ini di Tanah Melayu adalah dalam lingkungan akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20. Walau bagaimanapun, institusi ini dikatakan telah wujud di Melaka sejak kurun ke 15 Masihi. Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 1511 Masihi, institusi pondok berpindah ke Aceh, kemudian ke Pattani dan akhirnya menular pula di seluruh Tanah Melayu. Melalui institusi ini pendidikan Islam terus berkembang dan mencapai tahap kegemilangannya di pertengahan abad ke 19 hinggalah ke hari ini, ia masih lagi wujud walaupun hanya di beberapa tempat sahaja kerana adanya persaingan dengan sekolah agama kerajaan.

### 2.2.5. Pengajian Madrasah

Institusi madrasah merupakan asas penubuhan sekolah agama yang wujud pada hari ini. Penubuhan institusi madrasah ini diilhamkan oleh proses sekularisasi semasa era penjajahan dan gerakan reformis Islam di Tanah Melayu. (Sharifah Zaleha Syed Hassan, 1985 : 112) Gerakan ini sebenarnya diilhamkan oleh pergerakan-pergerakan yang berlaku di tempat lain di dunia Islam seperti Wahabi di Hijaz, gerakan Islah dan pembaharuan Muhammad Abduh di Mesir dan lain-lain. Pada masa dahulu madrasah didirikan atas daya usaha masyarakat Islam sendiri dengan cara bergotong royong dan orang ramai menghulurkan bantuan sama ada berbentuk kebendaan atau tenaga. (Mohd Taib Osman, 1983 : 53)

Madrasah mula berkembang dalam kurun ke 19 iaitu selepas penjajah Inggeris menubuhkan sekolah vernakular Melayu pada tahun 1856. Boleh jadi ada perasaan tidak puas hati di kalangan orang Melayu dengan sekolah vernakular Melayu ini kerana tidak diajarkan al-Quran, maka sebab itu tidak ramai orang Melayu yang memasuki sekolah ini. Malah setelah A.M. Skinner menubuhkan kelas al-Quran di sekolah vernakular Melayu pada tahun 1871 pun orang Melayu masih belum sepenuhnya mahu menerimanya dan hasilnya lahirlah madrasah-madrasah di seluruh Tanah Melayu. (Mohd. Yusuf Ahmad, 2002 : 88). Di samping pelajaran agama juga dimasukkan mata pelajaran umum dalam kurikulum pelajaran dengan tujuan meninggikan prestasi akademik anak-anak Melayu selaras dengan peredaran zaman dan tuntutan masa. Idea pembentukan sistem madrasah ini tidak direstui oleh ulama tradisional. Mereka membuat telahan bahawa sistem itu akan merendahkan mutu pendidikan Islam dan merugikan generasi Islam akan datang, namun usaha itu tetap diteruskan. Dengan kelahiran madrasah ini telah menggugat kedudukan penjajah British kerana madrasah ini merupakan wadah kegiatan politik Islam. (Abdulah Jusuh, 1989 : 17-19)

Umumnya pendidikan masyarakat Melayu sebelum penjajah adalah berteraskan penyebaran Islam dan juga hasil usaha alim ulama mengembangkan ilmu pengetahuan yang dituntut kepada semua orang Islam.

## 3.0. PENDIDIKAN SEKULAR DI TANAH MELAYU ZAMAN PENJAJAH

Sekularisme di Tanah Melayu, sebenarnya datang bersama-sama penjajah Inggeris yang menakluk negara ini dari tangan Belanda. Dalam Perjanjian Pangkor pada 1874 antara Sultan Abdullah (Sultan Perak) dan Sir Andrew Clarke, syarat penting dalam perjanjian itu ialah residen Inggeris akan menasihati sultan dalam semua hal pentadbiran negeri kecuali mengenai agama Islam dan adat Istiadat Melayu. Dengan demikian segala urusan pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang negeri terserah kepada Inggeris yang pastinya mengikut sistem dan acuan mereka yang tidak pernah memikirkan soal agama dan sebagainya. Di sini para sultan sudah kehilangan hak politik dan

pemerintahan dan tidak lagi berkuasa untuk mencegah usaha-usaha menanamkan fahaman sekular yang dibawa oleh Inggeris. Dan akhirnya berlakulah apa yang dinamakan pemisahan politik dari agama, atau agama dari negara.

Melalui dasar inilah penjajah telah menjalankan sistem pendidikan sekular di Tanah Melayu secara menyeluruh. Berdasarkan fahaman sekular yang diamalkan oleh penjajah maka pengkaji ingin mengulas serba sedikit mengenai sekular.

### **3.1. Pengertian Sekular**

Menurut Kamus Dewan 'sekular' ialah sesuatu yang berkaitan dengan keduniaan, bersifat duniawi dan tidak berkaitan dengan keagamaan. (Teuku Iskandar, 2002 : 1213) Sekularisme adalah suatu kepercayaan atau fahaman yang menganggap bahawa urusan keagamaan atau ketuhanan atau gereja tidak harus dicampurkan dengan urusan negara, politik dan pentadbiran. Ringkasnya sekularisme adalah satu fahaman yang memisahkan antara urusan agama dan kehidupan dunia seperti politik, pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Yang jelas menurut faham sekular, soal bernegara, berpolitik, berekonomi dan sebagainya tidak ada kaitan dengan soal agama atau gereja.

Pada pandangan Dr. Yusuf al-Qardhawi, sekular ialah satu aliran pemikiran barat yang memisahkan agama dan negara. ( Yusuf al-Qardawi, 1999: 23) Bagi Syed Muhammad Naquib al-Attas pula, ilmu yang sampai kepada kita dari barat itu ialah ilmu yang sekular, iaitu ilmu yang tidak ada hubungannya dengan agama akibat daripada pensekularan, yang ditakrifkan oleh beliau sebagai *'the deliverance of man first from religious and then from metaphysical control over his reason and his language'* ( Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1978 : 15 ). Istilah agama pula tidak dimaksudkan untuk agama Islam sahaja, tetapi meliputi juga agama-agama lain. Di barat yang dimaksudkan dengan ilmu sekular ialah tidak ada hubungan dengan agama Kristian.

### **3.2. Situasi Pendidikan Islam Zaman Penjajah**

Pada permulaan zaman penjajah, sekolah agama terus berfungsi tanpa sebarang campur tangan. Ini kerana pihak British tidak ingin campur tangan dalam hal ehwal agama dan adat resam orang-orang Melayu. Dengan itu, pihak British tidak terlibat dalam pengelolaan dan pengendalian sekolah-sekolah agama.

Namun setelah British sedar bahawa madrasah atau sekolah agama memainkan peranan penting dalam peningkatan pemikiran masyarakat Melayu Islam, mereka mula meminggirkan pendidikan Islam dan ianya menjadi pendidikan peribadi bagi masyarakat Melayu. Hanya ibu bapa yang berpegang teguh dengan ajaran Islam terus menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama. Sekolah mengaji al-Quran yang menjadi pusat pendidikan masyarakat Melayu telah diambil alih oleh British pada tahun 1872 Masihi untuk dijadikan sekolah vernakular Melayu. (Suhanim Binti Abdullah, 2001 : 111)

Pencerobohan British ke atas sistem pengajian tradisional al-Quran, sedikit sebanyak telah menyinggung perasaan masyarakat Melayu. Ternyata bahawa kerajaan British lebih mementingkan sekolah Melayu dan mengabaikan pengajian al- Quran. Kerajaan British juga telah meletakkan mata pelajaran agama Islam sebagai mata pelajaran kelas kedua dan di ajar pada sesi petang. Menurut Abdul Aziz Mat Ton, otak tidak cergas dan tidak mampu lagi menerima pelajaran dengan baik selepas waktu tengah hari kerana pengaruh cuaca yang panas. Elaun juga hanya diberikan kepada guru-guru sekolah Melayu sementara guru al-Quran dibiayai sendiri oleh ibu bapa pelajar. (Abdul Aziz Mat Ton, 1978 : 5). Sebagai langkah untuk menguatkan lagi sekularisme, British merancang dan telah pun berjaya melahirkan segolongan pemimpin di kalangan Melayu Islam sendiri yang telah disekularkan dengan sistem pendidikan. Golongan ini kemudiannya menjadi pentadbir, perancang negara dan pemimpin yang menjadi agen kepada kesinambungan dasar penjajah itu sendiri.

### **3.3. Sistem Pendidikan Sekular Di Zaman Penjajah**

Sejarah telah membuktikan bahawa sistem pendidikan sekarang ini merupakan warisan daripada sistem pendidikan zaman pemerintahan British. (Sufean Hussin, 1993 : 4). Inisiatif tentang pendidikan sekular di Tanah Melayu bukan diambil berat oleh kerajaan British, tetapi ianya di biayai oleh pertubuhan agama dan kumpulan bebas. Pertubuhan-pertubuhan Kristian adalah bertanggungjawab bagi penubuhan pelbagai sekolah pengantar Inggeris yang terbaik di Tanah Melayu. Yang pertama antaranya telah ditubuhkan oleh Dr. R.S. Hutchings, Paderi Aglican di Pulau Pinang dalam tahun 1816 dan diberi nama *Penang Free School* kerana ia terbuka kepada kanak-kanak semua kaum dan yuran tidak dikenakan kepada ibu bapa yang tidak mampu. Sebahagian besar perbelanjaan sekolah tersebut telah dibiayai oleh orang ramai dan derma yang besar dari Syarikat Hindia Timur (Kementerian Pelajaran Malaysia, Sejarah Menengah Malaysia, 1970 : 220)

Sepertimana yang kita telah ketahui bahawa dasar pemerintahan British di Tanah Melayu ialah 'pecah dan perintah'. Dengan itu, sikap seperti ini telah menyebabkan empat lagi sistem persekolahan wujud, selain daripada sekolah agama. Sistem persekolahan tersebut ialah sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil dan sekolah Inggeris. Sekolah vernakular bermakna sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu wujudlah lima jenis persekolahan ini dalam sistem pendidikan dalam zaman pemerintahan British iaitu sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil, sekolah Inggeris dan sekolah agama atau madrasah. Kewujudan *vernakularisme* dalam sistem pendidikan pemerintahan Inggeris adalah dipengaruhi oleh faktor politik, ekonomi, sosiobudaya dan agama. (Sufean Hussin, 1993: 5)

### 3.3.1. Sekolah Vernakular Melayu

Keputusan oleh kerajaan Negeri-negeri Selat untuk menubuhkan sekolah Melayu berlaku selepas mendapat arahan dari Mahkamah Pengarah-Pengarah dari India pada tahun 1855. Keputusan ini bermula pada tahun 1854, apabila Gabenor Jeneral di India menghantar perutusan Jemaah pengarah melawat Negeri-Negeri Selat untuk membuat laporan pendidikan di negeri-negeri tersebut. Pada tahun 1855, sebuah sekolah Melayu telah didirikan di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Pada tahun berikutnya, iaitu pada tahun 1856, dua buah lagi sekolah Melayu dibuka, iaitu di Teluk Belangah dan di Kampung Gelam Singapura. Sekolah di Teluk Belangah, kemudiannya dijadikan maktab perguruan bagi guru-guru sekolah Melayu. Sekolah di Kampung Gelam pula berubah menjadi sekolah Quran sehingga disusun semula. (Sufean Hussin, 1993 : 12)

Mengikut dasar pelajaran yang ditetapkan oleh kerajaan British, kanak-kanak Melayu akan diberi pelajaran percuma di peringkat rendah dalam bahasa Melayu selama empat tahun. (Zuraina Majid, 1985 : 1 01) Sejak 1854 Masihi kebanyakan pentadbiran sekolah al-Quran telah diambil alih oleh kerajaan Inggeris dengan membiayai pengajian dan memberikan bantuan penuh. Kurikulumnya diubahsuai, iaitu mengandungi mata pelajaran Rumi di samping mata pelajaran Jawi, Kira-kira, Kesihatan, Lukisan dan mata pelajaran Agama termasuk pelajaran al-Quran. (Abdullah Ishak, 1995 : 138). Pada tahun 1872, A.M. Skinner telah memulakan sekolah-sekolah Melayu berdasarkan kelas Quran dalam satu percubaan. Di sekolah pagi, pelajaran biasanya dijalankan, manakala pelajaran agama Islam diajar pada sebelah petang. (Sufean Hussin, 1993: 12) Pengasingan masa kepada dua sesi pengajian merupakan suatu fahaman dan konsep baru yang cuba diperkenalkan dan diorientasikan di rantau ini. Ini juga merupakan suatu doktrin yang cuba memisahkan dan mengkategorikan ilmu, di antara ilmu agama dan ilmu bukan agama. Sekolah vernakular Melayu menyediakan pendidikan asas selama empat tahun dan mendapat bantuan penuh daripada kerajaan. Walau bagaimanapun bantuan tidak disediakan bagi kelas-kelas agama pada sesi petang. Oleh yang demikian juga kerajaan Inggeris telah membina secara beransur-ansur sekolah- sekolah rendah vernakular Melayu sejak pertengahan abad ke-19 hinggalah zaman perang Dunia Kedua.

Walaupun begitu, sekolah Melayu menghadapi persaingan sengit dengan sekolah Inggeris kerana pendidikan sekolah Melayu tidak menjamin mobiliti sosial dan masa depan yang baik berbanding sekolah Inggeris. Pendapatan calon sekolah Melayu adalah jauh lebih rendah dengan pendapatan calon dari sekolah Inggeris yang bekerja dengan pihak kerajaan Inggeris. Anak-anak Melayu sekolah vernakular Melayu hanya bekerja sebagai petani, polis dan peon. (Ee Ah Meng, 1999 : 12) Dengan kesedaran ini, ramai masyarakat Melayu, malah kaum lain telah memandang rendah terhadap sekolah vernakular Melayu. Bahkan selepas itu orang Melayu lebih gemar menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris di bandar-bandar. Perkara ini telah mengurangkan pendaftaran pelajar-pelajar di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Dalam tempoh kira-kira 60 tahun sistem sekolah vernakular Melayu, iaitu sehingga tahun 1941 sistem pendidikan ini tidak pernah ditinggikan tarafnya dan sememangnya kerajaan British tidak bermaksud untuk meninggikannya bahkan hanya sekadar melebihi dari taraf peringkat rendah sahaja. Tujuannya tidak lebih daripada sekadar untuk menghapuskan buta huruf sahaja dan mengekalkan tradisi masyarakat pada masa itu sahaja. (Zurina Majid, 1985 :102)

### 3.3.2. Sekolah Vernakular Cina

Kerajaan British tidak membantu penubuhan sekolah Cina kerana penduduk Cina di Tanah Melayu dianggap sebagai penduduk asing sementara. Oleh yang demikian kaum Cina mengambil inisiatif sendiri untuk menubuhkan sekolah-sekolah Cina di negeri ini. (Zurina Majid, 1985 : 1 02) Sekolah Cina pertama ditubuhkan di Melaka pada tahun 1815 oleh sekumpulan mubaligh dari Persatuan Mubaligh London. Kemudiannya sekolah Cina dibuka oleh individu Cina, persatuan Cina daerah, persatuan suku kaum dan jabatan pentadbir. Individu dan persatuan biasanya akan menderma secara bulanan untuk menampung perbelanjaan pengurusan sekolah tersebut. Pihak pentadbiran Inggeris tidak campur tangan, malahan menentang keras pembiayaan untuk pembinaan sekolah Cina. (Ee Ah Meng, 1999: 13). Namun begitu, apabila wujudnya perkembangan anti Inggeris di kalangan masyarakat Cina, pihak pentadbir Inggeris telah melaksanakan 'Enakmen Pendaftaran Sekolah' pada tahun 1920 bagi mengawal perkembangan sekolah-sekolah Cina. (Abdul Rahim M. Ali, 2001 : 4)

Undang-undang untuk mendaftar sekolah dan guru sekolah Cina dikuatkuasakan pada tahun 1920 dan skim bantuan sekolah Cina juga dilaksanakan. Tindakan ini diambil oleh kerajaan British untuk mengurangkan kegiatan-kegiatan anti kerajaan. Struktur pelajaran sekolah Cina adalah seperti yang terdapat di Negara China iaitu peringkat sekolah rendah 6 tahun, peringkat sekolah menengah rendah 3 tahun dan peringkat sekolah menengah atas 3 tahun. Keadaan sekolah Cina pada masa penjajah British adalah sangat tidak memuaskan kerana peruntukan wang yang diberi oleh kerajaan kepada sekolah tidak mencukupi, kualiti bangunan sangat rendah dan guru-guru berkelayakan rendah dan gajinya pun dibayar rendah.

### 3.3.3. Sekolah Vernakular Tamil

Sejarah perkembangan sekolah Tamil adalah berkaitan dengan perusahaan kopi, tebu, kelapa dan getah di Tanah Melayu. Oleh kerana buruh-buruh India diambil bekerja di ladang-ladang kopi, kelapa dan getah, maka sudah sememangnya sekolah-sekolah Tamil ditubuhkan di kawasan-kawasan ladang khususnya di Negeri Sembilan, Melaka, Seberang Perai dan Utara Johor. (Sufean Hussin, 1993 : 16 ) Kebanyakan sekolah diusahakan oleh pihak persendirian. Pada tahun 1902 kerajaan British telah merubah dasar tersebut dan sanggup memberi kemudahan bagi pelajaran kaum India. Pada tahun 1912, undang-undang buruh di Negeri-negeri Melayu Bersekutu memerlukan semua ladang yang ada sekurang-kurangnya 10 orang kanak-kanak di antara 7 -10 tahun disediakan sekolah dan guru untuk diberi pelajaran kepada kanak-kanak tersebut. (Zurina Majid, 1985 :103)

Sekolah Tamil yang dibina di estet-estet kopi, kelapa, tebu dan getah. Pentadbir Inggeris telah mewajibkan tuan punya estet menyediakan sekolah Tamil untuk anak-anak pekerja mereka. Oleh

kerana ia terbatas di kawasan estet dan sumber kewangan serta tenaga yang terhad, pendidikan di sekolah-sekolah Tamil hanya tertumpu kepada sekolah rendah sahaja. (Abdul Rahim M. Ali, 2001 : 4). Selain dari sekolah-sekolah di ladang getah kerajaan British juga menubuhkan sekolah Tamil di kawasan bandar bagi anak-anak pekerja di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Keretapi. Pengajian asas di sekolah Tamil mengambil masa empat tahun dan biasanya diajar oleh guru-guru yang berkelayakan rendah di bangunan-bangunan sekolah yang tidak sesuai. Menjelang tahun 1930 terdapat empat jenis sekolah vernakular Tamil iaitu sekolah kerajaan, sekolah estet, sekolah persendirian oleh masyarakat India, dan sekolah persendirian oleh pendakwah Kristian. (Sufean Hussin, 1993: 17)

#### 3.3.4. Sekolah Inggeris

Pelopor-pelopor pendidikan Inggeris di Tanah Melayu terdiri dari pelbagai badan mubaligh, pertubuhan-pertubuhan amal dan orang perseorangan. Sekolah Inggeris terdiri daripada tiga jenis iaitu *free school* yang mendapat bantuan kerajaan, yang kedua sekolah Inggeris separa bantuan, yang dimulakan oleh badan mubaligh Kristian dengan bantuan kerajaan, dan yang ketiga ialah sekolah Inggeris persendirian. *Free school* dinamakan sedemikian bukan kerana tidak dikenakan bayaran yuran, tetapi kerana ia dibuka kepada murid-murid dari semua bangsa tanpa mengira kaum dan taraf ekonomi. Sekolah ini juga tidak mengenakan yuran kepada mereka yang tidak mampu. Penang Free School merupakan *free school* peringkat sekolah rendah yang pertama dan dimulakan pada tahun 1816 atas inisiatif Rev. R. Hutchings dan pada tahun 1891 sekolah tersebut mula menyediakan pendidikan sekolah menengah.

Pada Tahun 1826 Malacca Free School telah ditubuhkan dan kemudiannya ditukar nama kepada Sekolah Tinggi Melaka. Tahun 1894 Sekolah Victoria, Kuala Lumpur dan pada tahun 1906 sekolah King Edward VII di Taping ditubuhkan. (Ee Ah Meng, 1999: 16) Sekolah-sekolah Inggeris ini biasanya terdapat di bandar-bandar utama di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Di zaman pemerintahan British terdapat tiga jenis sekolah Inggeris iaitu sekolah Inggeris yang ditubuhkan oleh persatuan-persatuan pendakwah Kristian seperti Katholik, Methodist, La Salle dan Protestant. Kedua ialah sekolah kerajaan seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar dan yang ketiga ialah sekolah Inggeris persendirian. (Sufean Hussin, 1993 : 17)

Pendidikan Inggeris untuk anak-anak bangsawan Melayu dimulakan pada tahun 1905 apabila tertubuhnya Maktab Melayu Kuala Kangsar berdasarkan rundingan di antara pembesar-pembesar Melayu di Perak dengan R.J. Wilkinson. Maktab ini digelar '*Malay Eton*' kerana mempunyai kurikulum pendidikan Inggeris bercorak sekolah '*grammar*' di England. Matlamat utama sekolah ini ialah untuk mengekalkan elitisme di kalangan bangsawan Melayu dan untuk melatih anak-anak bangsawan Melayu bekerja dengan perkhidmatan British. Penubuhan maktab ini mempunyai implikasi yang besar pada masyarakat Melayu kerana menyedarkan orang Melayu golongan bawahan untuk turut sama mendapatkan pendidikan Inggeris. (Sufean Hussin, 1993 : 18). Kurikulum di sekolah Inggeris adalah bercorak kurikulum sekolah England. Kurikulum tersebut menumpukan kepada pelajaran akademik dan pada akhirnya murid-murid akan mengambil peperiksaan *Cambridge Overseas School Certificate*. Kebanyakan sekolah menengah Inggeris dikawal oleh kerajaan British dan murid- muridnya diambil dari sekolah rendah kerajaan.

#### 4.0. SITUASI MASYARAKAT MELAYU HASIL PENDIDIKAN SEKULAR

Perkembangan pendidikan masyarakat Melayu bertunjangan tamadun barat yang telah dipahat oleh penjajah berabad-abad lamanya sebelum kita mencapai kemerdekaan dan berlarutan serta diwarisi oleh tokoh-tokoh yang dikurniakan kemerdekaan oleh penjajah-penjajah tersebut. Ia telah meresap ke dalam sistem masyarakat Melayu. Antara contoh yang dapat dilihat dengan nyata adalah dalam sistem pendidikan, di mana wujudnya *dualisma* di dalam sistem persekolahan iaitu sekolah rendah kebangsaan dan sekolah kelas agama dan fardhu ain ( KAFKA ). Di dalam sistem



perundangan wujud mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Manakala di dalam sistem ekonomi pula wujud sistem kewangan Islam dan konvensional. (Fadhil Mohd Nor, 1999 : 9)

Menurut pandangan Awang Had Salleh, ada empat tujuan besar pendidikan sekular anjuran penjajah iaitu yang pertama ialah untuk kestabilan politik agar tidak akan kacau seperti berlaku di India. Kedua ialah untuk mengekalkan status Quo iaitu membiarkan orang Melayu terus menjadi penanam padi yang dibuat turun temurun, mereka jangan diberi keluar dari kampung mereka dan supaya mereka terus tinggal di sawah padi serta jangan hilang kemahiran dan kesenian mereka. Ketiga ialah untuk menghasilkan pekerja-pekerja rendah seperti pemandu kereta lembu, penanam padi, nelayan, pekedai-pekedai kecil, peon, kerani kastam, pekerja-pekerja jabatan hutan dan lain-lain. Keempat pula ialah untuk menghapuskan buta huruf sahaja supaya mereka menjadi cerdik dan tidak ditipu oleh penipu yang tidak bertimbang rasa dalam masyarakat yang bercampur. (Awang Had Salleh, 1974: 13)

Kita sering mendengar golongan nasionalis dari penuntut-penuntut Sultan Idris Training College ( SITC ). Sebenarnya inilah satu lagi golongan pejuang sosio-politik Melayu yang wujud di akhir tahun 1920an. Berbeza dari golongan intelektual yang pertama iaitu mereka yang berpendidikan Arab dan Inggeris, golongan ini adalah terdiri dari guru-guru yang rata-rata menerima pendidikan Melayu. (Yusoff Iskandar, Khalil Yusoff, 1979 : 13)

#### **4.1. Kesan Terhadap Masyarakat Melayu**

Semenjak penjajah datang ke Tanah Melayu, mereka berusaha sedaya upaya untuk menyebarkan fahaman sekularisme ini melalui pelbagai cara. Dengan keupayaan ilmu dan teknologi yang dimiliki serta pengalaman, mereka berjaya melaksanakannya. Tujuannya hanyalah untuk menjauhkan masyarakat Melayu Islam dari agamanya. Penyebaran sekularisme melalui pendidikan antaranya ialah :

1. Sekatan secara material dilakukan dengan membuka pintu seluas mungkin kepada pengajian yang kosong dari roh agama Islam (pengajian yang jauh dari penekanan agama). Adapun pengajian agama Islam disempitkan bantuan kewangan ataupun tidak dibantu langsung. Sebarang bantuan lebih dicurahkan kepada pengajian sekularisme.
2. Sekatan secara moral ialah dengan memperlekehkan golongan penuntut agama dan tuan-tuan guru mereka. Begitu juga membeza-bezakan antara lepasan bidang agama dan lepasan bidang-bidang lain. Dari segi jawatan pula, lepasan bidang agama tidak banyak mendapat peluang di samping ganjaran dan status yang dipandang rendah tetapi bagi lepasan bidang-bidang lain agak mudah mendapat peluang dengan habuan dan status yang lumayan.
3. Menghantar pelajar Melayu Islam ke negara-negara bukan Islam untuk belajar pelajaran akademik yang dipisahkan dengan agama. Di samping itu, akan tertanam dalam diri pelajar itu tabiat (kelakuan) yang terpisah dari ajaran Islam. Dengan ilmu ini mereka akan mempraktikkannya dalam kehidupannya sehinggakan dalam bab makan minum, pakaian, cara pergaulan dan lain-lain tabiat yang berpaksikan sekular.
4. Melonggarkan sukatan pengajian agama atas nama kemajuan akademik. British telah mengambil alih pengajian al-Quran dan dijadikan mata pelajaran al-Quran dan mata pelajaran agama pada sesi petang. Sistem ini menyebabkan pelajar lemah dalam menguasai ilmu agama.
5. Bertambah dengan pesat sekolah aliran Inggeris dan sekolah vernakular Melayu. Tujuannya ialah untuk memisahkan masyarakat Melayu Islam dari ajaran Islam. Paling kurang kesannya ialah menghina bahasa Arab (bahasa umat Islam) dan mengagungkan bahasa asing.
6. Percampuran lelaki dan perempuan ketika pengajian yang didakwa adalah kemajuan dan kemodenan tetapi ia sebenarnya menyalakan lagi obor nafsu manusia. Mereka juga mendakwa percampuran itu dapat memamatkan pemikiran tetapi mereka telah tersilap kerana ia antara punca teretusnya masalah sosial yang kronik akibat percampuran yang tidak dikawal tanpa batas.

## 4.2. Kesan Terhadap Pendidikan Islam

Dalam mana-mana bangsa bertamadun dan maju, ilmu adalah aspek yang paling utama dalam proses pembinaannya. Paul Kennedy dalam *'The Rise and Fall of The Great Powers'* telah mengesan bahawa faktor utama keruntuhan tamadun-tamadun besar ialah kerana runtuhnya semangat dan kecintaan kepada ilmu, serta sikap sudah berpuas hati dengan pencapaian yang ada. (Muhammad Hajj Muhd Taib, 1993 : 105). Sejak awal kedatangan Islam ke dunia Melayu beberapa abad dahulu, Islam sudah berperanan besar membentuk sahsiah, pemikiran dan *world view* Melayu. Keperibadian Melayu mula terbentuk dan peradaban Melayu berkembang serentak dengan adanya kegiatan intelektual di merata-rata pusat pengajian Islam. (A. Aziz Deraman, 2000 : 156) Sebarang usaha untuk memisahkan Islam dan Melayu dalam mencipta manusia baru akan memungkinkan bangsa Melayu itu hancur atau hilang segala-galanya. (Muhammad Haji Muhd Taib, 1993 : 126)

Kesimpulannya kedatangan penjajah dengan adalah untuk melemahkan pendidikan Islam serta menyekat perkembangan Islam dan seterusnya menghancurkannya secara lebih halus dengan perancangan yang disusun rapi melalui pendidikan sekular iaitu memisahkan pendidikan agama dan pendidikan akademik. Pendidikan sekular ini hanya mementingkan dunia semata-mata. Perancangan ini adalah untuk melemahkan dan menghancurkan Islam secara halus dengan menjauhkan aqidah orang Islam kepada kebendaan dan keduniaan. Penjajah juga dengan perancangan pendidikan sekular telah menanamkan kebudayaan barat yang lari jauh dari akhlak Islam yang sempurna.

## 4.3. Kesan Terhadap Bahasa Melayu

Bahasa Melayu telah lama digunakan sebagai bahasa rasmi bagi urusan rasmi kerajaan-kerajaan Melayu lama di seluruh Nusantara. Bahasa Melayu pernah menjadi *Lingua Franca* bagi wilayah kepulauan Melayu dan di kalangan ahli-ahli peniaga dan pengembara dari Eropah, India, dan China. Pada ketika itu penggunaannya sebagai bahasa perhubungan merupakan satu perkara biasa. Mengikut Valentijn, bahasa Melayu difahami di mana-mana, 'tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa *Lingua Franca* di Itali dan *Levanf*. (Nik Safiah Karim, 2000 : 1). Kedudukan bahasa Melayu amat penting kerana ia mendapat taraf nilai bahasa yang tinggi dan menjadi *Lingua Franca* bagi seluruh alam Melayu, terutama pada zaman kegemilangannya. Bahasa Melayu mula menjadi bahasa penting kepada kerajaan besar seperti Melaka dan Aceh. (A. Aziz Deraman, 2000: 156)

Penguasaan bahasa Inggeris secara cekap hanya terhad kepada segelintir golongan elit yang tinggal di bandar-bandar utama kerana konteks penggunaannya yang meluas. Golongan elit yang berpendidikan Inggeris juga terpisah daripada majoriti rakyat jelata dan mewujudkan jurang dan ketegangan sosial. Ketegangan sosial berdasarkan kelas dan golongan akan menjadi pemangkin kepada ketegangan dan konflik dalam bentuk yang lain, misalnya prasangka dan kebencian etnik dan perkauman, agama, mazhab dan ideologi, daerah dan wilayah.

## 5.0. KESIMPULAN

Pengkaji merumuskan empat perkara hasil dari pengkajian ini iaitu :

- 5.1. Peranan sistem Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan perkembangan pendidikan Melayu di Kepulauan Melayu sebelum penjajah.
- 5.2. Peranan Agama Islam dan golongan agama yang telah menjadi pendorong kepada kebangkitan Melayu Islam telah dipinggirkan dan masyarakat Melayu telah diperkenalkan dengan kefahaman ideologi barat melalui pendidikan sekular.
- 5.3. Peranan bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa *Lingua Franca* dan memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan masyarakat Melayu juga telah dipinggirkan.

Ini menyebabkan bahasa Inggeris menjadi keutamaan dan dipandang tinggi dan mereka yang berpengetahuan dalam bahasa Inggeris akan dapat keistimewaan.

- 5.4. Peranan Institusi pendidikan masyarakat Melayu seperti institusi pondok, institusi madrasah dan surau atau masjid yang menjadi tunjang kepada peningkatan kesedaran dalam agama dan membina masyarakat yang berilmu pengetahuan pada zaman kegemilangan peradaban Melayu juga telah dipinggirkan.

Akhirnya pengkaji membuat kesimpulan bahawa peranan pendidikan Islam adalah sangat penting bagi mengembangkan agama Islam dan bahasa Melayu ke seluruh Kepulauan Melayu. Melalui pendidikan Islam juga pertumbuhan dan perkembangan peradaban Melayu Islam semakin subur dan telah berada di kemuncaknya. Namun penjajah telah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Melayu dengan memperkenalkan pendidikan sekular yang meminggirkan dan memisahkan pendidikan agama dengan pendidikan dunia.

### Rujukan

1. A. Aziz Deraman, 2000, *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia Edisi Baru*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Abdul Halim Hj. Mat Diah, 1989, *Pendidikan Islam Di Malaysia, Sejarah Dan Pemikiran*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia.
3. Abdullah Ishak, 1995, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Abu Zahari Abu Bakar, 1984, *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
5. Awang Had Salleh, 1974, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Buku Teks Kursus TITAS IPT, 2001, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
7. Hashim Musa, 2001, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
8. Hussein Hj. Ahmad, 1993, *Pendidikan dan Masyarakat : Antara dasar, Reformasi dan Wawasan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
9. Ismail Che Daud, 1992, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
10. Khoo Kay Kim (ed.), 1980, *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia.
11. Laurent Metzger, 1994, *Kekuatan Dan Kelemahan Orang Melayu : Suatu Pandangan Seorang Asing*, Jurnal Akademi Pengajian Melayu Jilid 2, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, UM.
12. Muhammad Haji Muhd Taib, 1993, *Melayu Baru*, Kuala Lumpur : ITC Book Publisher.
13. Ramlah Adam, 1997, *Sistem Pendidikan Pada Zaman Abdullah Munshi : Satu Kajian Kes*, Jurnal Pengajian Melayu (Jilid 7), Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
14. Sufean Hussin, 1993, *Pendidikan Di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
15. Suhanim Binti Abdullah, 2001, *Sistem Pendidikan Tradisional Dalam Peradaban Melayu : Satu Analisis*, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
16. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 1978, *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).